

Menulis

Betulkan kesalahan bahasa bagi bahagian yang bergaris. SP 3.7.1

“Apakah yang kamu lakukan dengan wang kamu itu? Kamu tidak boleh simpan pun wang itu,” kata Mak Tijah dengan tegasnya.

Nukman terdiam. Soalan ibunya itu memang sukar hendak dijawabnya. Memang dia tidak boleh menyimpan wang belanjanya. Wang itu habis dibelanjakannya. Kadang-kadang, dia menghutang pula dengan rakan-rakannya.

“Maafkan saya, mak. Saya boros ketika membelanja,” kata Nukman.

“Jadi, mulai sekarang, kamu mesti berjimat cermat. Simpan wang kamu. Bila besar nanti, tidak susah hidup kamu,” pesan Mak Tijah.

Nukman sedar bahawa selama ini dia teramat boros sekali menggunakan wang. Dia pula membeli berbagai benda yang tidak begitu diperlukan. Sudahnya, dia menghabiskan wang dan terpaksa berhutang.

Mulai saat ini, Nukman ingin berjimat cermat. Dia mengetahui yang semua rakannya mempunyai wang simpanan yang banyak. Semua itu disebabkan sikap mereka yang senantiasa berjimat cermat dan menabung.

Kamus Mini

1. tegas – dapat didengar atau dilihat dengan terangnya, nyata, dan jelas
2. boros – suka membelanjakan wang secara berlebih-lebihan, tidak hemat
3. senantiasa – sepanjang masa, sentiasa

Kesalahan Bahasa	Pembetulan
1 menghutang	
2 membelanja	
3 Bila	
4 teramat boros sekali	
5 berbagai	
6 menghabiskan	
7 yang	